

Tuan Guru Haji Wan Ali Bin Wan Abdul Rahman
(Tok Wan Ali Kutan) Dan Penulisan Kitabnya
“*Al-Jawhar Al-Mawhub Wa Munabbihat*
Al-Qulub”

Oleh: Dr. Hilaluddin bin Abdullah*

ABSTRAK

Tuan Guru Haji Wan Ali Bin Wan Abdul Rahman (Tok Wan Ali Kutan) merupakan salah seorang ulama besar Malaysia (1837-1913). Beliau belajar di Makkah dan kemudiannya mengajar di Masjidil Haram. Ramai ulama tempatan yang bergurukan beliau seperti Tok Kenali dan Tok Kemuning. Kitab terbesar karangan beliau ialah *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub* yang memuatkan lebih kurang 950 hadith. Ia menyentuh soal targhib dan tarhib. Kitab ini dijadikan salah satu teks pengajian oleh masyarakat Islam Malaysia.

Latar Belakang Diri Dan Keluarga

Nama sebenarnya ialah Wan Ali bin Wan Abdul Rahman bin Wan Abdul Ghafur.¹ Beliau terkenal dengan gelaran Tok Wan Ali Kutan. “Tok” ialah satu gelaran mulia diberikan kepada orang tua yang alim dan ada ketokohan di dalam pelbagai cabang ilmu agama.² Manakala “Wan” asalnya ialah gelaran untuk orang-orang yang baik,

¹ Tenaga pengajar sejak awal penubuhan Maahad Dakwah Wal Imamah yang ditubuh pada tahun 1994. Maahad ini merupakan asas kepada penubuhan KIAS. Beliau juga pernah diamanahkan sebagai Ketua Jabatan al-Dakwah Wal Qiadah dan Ketua Jabatan Usuluddin KIAS. Kini sebagai Timbalan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Pelajar KIAS.

² Abdul Razak Mahmud, *Pelajaran tataarayat negeri Kelantan (1)*, cet: 2, Percetakan dan Perniagaan Nik Daud Sdn. Bhd, Kota Bharu, 1995, hlm. 67; Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)*, ed: 2, Perniagaan dan Percetakan Nik Daud, K. Bharu, 1992, hlm. 119.

³ Temu bual penulis dengan Haji Abdullah al-Qari bin Haji Salleh (Pengarang buku Loghat Kelantan). Maksud perkataan tok & wan di dalam loghat Kelantan. 25 Jan 2003.

soleh dan mulia.³ Kutan pula nama tempat di mana beliau dilahirkan.⁴

Tarikh kelahirannya tidak diketahui secara jelas, namun ada pendapat yang mengatakan ia lahir pada tahun 1253H (1837 M). Kampung Kutan yang menjadi tempat kelahirannya itu berada tidak jauh dari Kota Kubang Labu yang bersejarah, di tebing Sungai Kelantan. Kampung ini bersempadan dengan kawasan Pasir Pekan dan tidak jauh dari sebelah hulu bandar Kota Bharu, ibu negeri Kelantan.

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman telah berkahwin dengan Wan Aisyah, saudara kandung Wan Cik, ibu syaikh Ahmad al-Fatani.⁵ Wan Aisyah berasal dari Fatani tetapi menetap di Makkah. Hasil perkahwinan tersebut, beliau telah dikurniakan Allah tiga orang cahaya mata, iaitu Sofiyyah, Fatimah dan Abdul Rahman. Sofiyyah telah dijodohkan dengan seorang ulama Fatani yang terkenal di Makkah iaitu syaikh Nor bin syaikh Nik Mat Kecik al-Fatani. Fatimah pula berkahwin dengan orang Fatani yang bernama syaikh Daud bin Ismail al-Fatani. Semua perkahwinan itu dilangsungkan di Makkah. Syaikh Daud bin Ismail al-Fatani kemudiannya balik ke Kelantan. Beliau berkhidmat sebagai khatib dan guru di Masjid Besar Kota Bharu yang kemudiannya dinamakan Masjid Muhammadi. Anak lelaki Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman bagaimana pun telah pulang ke Kelantan dan menetap di kampung asal kelahiran ayahnya.⁶

Selepas kematian isterinya, Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman berkahwin pula dengan Hajjah Aisyah, guru al-Qur'an yang mengajar orang-orang Arab dan Jawi di Makkah. Isteri baru ini berasal dari Kota Bharu.

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman mendapat pendidikan awal di Makkah yang didiami oleh ramai ulama' terkenal dari Tanah Jawi (Malaysia, Fatani dan Indonesia). Ini adalah kerana beliau dibawa oleh ayahndanya semasa kecil lagi ke

³ Dewan Bahasa & Pustaka (2002), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa & Pustaka, h. 1544 & 102.

⁴ Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, h. 120.

⁵ Syaikh Ahmad al-Fatani lahir pada 5hb. Sya'ban 1272H, malam Jumaat bersamaan 10hb. April 1856M, di kampung Sena Janjar, Jambu, Fatani. Beliau seorang alim yang banyak mengarang kitab. Terdapat 53 kitab karangan beliau sendiri di dalam bahasa Arab dan Melayu, di samping 31 buah kitab yang telah ditashihkan. Lihat H.W.M. Saghir Abdullah (1990), *Fatwa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad al-Fatani*. Shah Alam: Penerbitan HIZBI, h. 34-41.

⁶ Ismail Awang, 1975. *Tok Wan Ali Kutan, Pengasuh*, Dec: 19-20.

Makkah. Sebenarnya tidak diketahui secara pasti bila dan bagaimana beliau mendapat didikan dan pelajaran. Apa yang dapat dicatat ialah beliau sempat belajar dengan “Tok Pulai Chondong”⁷ Tok Pulau Chondong adalah satu-satunya guru Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman yang diketahui secara jelas. Besar kemungkinan juga beliau sempat belajar dengan syaikh Hasbullah yang sangat masyhur di Makkah pada pertengahan abad ke sembilan belas.⁸

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman yang telah melahirkan ramai murid ini akhirnya menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tahun 1381H bersamaan tahun 1913. Jenazahnya dikebumikan di perkuburan Ma’la, al-Makkah al-Mukarramah.⁹ Semoga Allah subhanahu wata’ala mencucuri rahmat dan maghfirahNya ke atas ruh Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman.

Sumbangan Dakwah

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman sangat gigih mengajar dan berdakwah secara lisan. Beliau mempunyai kekuatan peribadi yang merupakan asas penting dalam dakwah. Beliau seorang yang wara’, kuat beribadat, banyak mengamalkan ilmu-ilmu batin,¹⁰ tidak banyak tidur di kala malam untuk bangun mengerjakan sembahyang malam dan menulis kitab. Beliau juga seorang yang tawadu’ dan dermawan.¹¹

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman berdakwah secara lisan dengan mengajar orang ramai di Masjidil Haram, Makkah. Diketahui umum bahawa Kota Makkah adalah pusat ilmu pengetahuan yang dikunjungi ribuan penuntut dari seluruh pelusuk dunia. Kebiasaannya, setiap bangsa dan guru-guru dari kalangan mereka yang mengajar di dalam Masjidil Haram.

⁷ Nama sebenar Tok Pulai Chondong ialah Hj. Abdul Samad bin Faqih Hj. Abdullah bin Imam Hashim. Beliau dilahirkan di kampung Bukit, Pulai Chondong kira-kira pada tahun 1207H (1792M). beliau berguru dengan syaikh Daud al-Fatani. Tok Pulai Chondong seorang ulama dan pahlawan yang mempunyai ilmu dunia yang tinggi di samping ilmu ugama. Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Tokoh-tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, h. 63 – 67.

⁸ Abdul Razak Mahmud, *Pelajaran Tatarakyat Negeri Kelantan (I)*, h. 67.

⁹ Ismail Awang, 1975. Tok Wan Ali Kutan, *Pengasuh*, Dec:20.

¹⁰ Ilmu-ilmu batin ialah ilmu yang ada hubung kait dengan tasawuf (Dewan Bahasa & Pustaka, *Kamus Dewan*, h. 113).

¹¹ Ismail Awang, 1975. Tok Wan Ali Kutan, *Pengasuh*, Dec: 20 – 21.

Di Kelantan miskipun beliau jarang sekali pulang, namun beliau dapat membahagikan masanya dengan mengajar di Masjid Besar Muhammadi, Kota Bharu. Hal ini terserlah apabila papan tanda masjid tersebut ada tertulis:

Peranan Masjid Muhammadi di dalam penyebaran dan pendidikan Ugama Islam di Kelantan amatlah istimewa. Di sinilah beberapa ulama besar negeri Kelantan telah mengajar pelbagai ilmu ugama. Di antaranya ialah Tuan Tabal (1840-1891M), Hj. Wan Ali Kutan (1837-1913M) dan Tok Kenali (1868-1933M). Sistem pengajaran di masjid ini mempunyai persamaan dan hubungan dengan pengajaran di Masjidil Haram di Makkah di mana para pelajar akan pergi ke Makkah untuk menyambung pelajaran mereka setelah tamat pengajaran di masjid ini.

Dengan adanya tokoh-tokoh ulama besar ini, akhirnya masjid ini menjadi pusat dakwah dan pengajian ilmu ugama yang masyhur di Nusantara sehingga dikenali sebagai " Serambi Makkah ".

Sebagai seorang pendakwah, beliau mencari rezeki yang halal dengan cara berdikari. Beliau telah membina dua buah rumah sewa di Makkah dan sebuah rumah sewa di Ta'if untuk para penziarah dan pengunjung Rumah Allah.

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman melahirkan ramai para alim ulama yang menjadi anak murid beliau dari Kelantan dan Fatani. Mereka sempat berguru dengan beliau samada semasa berada di Kelantan atau Makkah. Antara mereka:

- i. Syaikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustapha al-Fatani.¹²
- ii. Tok Kenali.¹³

¹² Syaikh Wan Ahmad dilahirkan di kampung Jambu, Fatani pada 10 April 1856. Beliau berguru dengan Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman dan lain-lain di Makkah kemudian menyambung pelajaran ke Baitul Maqdis. Selepas itu beliau menyambung pelajarannya ke Mesir di mana beliau antara putera-putera Melayu paling awal menuntut di Mesir. Dari Mesir, beliau kembali ke Makkah dan mengajar di Masjidil Haram. Beliau banyak mengarang kitab di dalam bahasa Melayu dan Arab. Anak-anak murid beliau disenaraikan seramai 40 orang dari seluruh negeri Asia Tenggara. Syaikh Wan Ahmad meninggal pada 14 Januari 1908. Jenazah al-marhum dikebumikan di perkuburan Ma'la, Makkah. Lihat H.W.M. Saghir Abdullah (1990), *op. cit*, h. 35 – 41 dan lihat juga Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, hlm. 93 – 117.

¹³ Tok Kenali dilahirkan di kampung Kenali Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1868. Nama sebenarnya ialah Muhammad Yusuf bin Ahmad. Selepas belajar dengan Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman dan beberapa orang guru lain,

- iii. Tok Kemuning.¹⁴
- iv. Tok Bachok.¹⁵
- v. Haji Wan Ahmad bin Haji Wan Abdullah Malim.¹⁶
- vi. Haji Muhammad bin Muhamad Sa'id Khatib (Dato' Laksamana).¹⁷
- vii. Nik Mahmud bin Ismail (Dato' Perdana Paduka Raja).¹⁸

...beliau turun ke Makkah untuk menambah ilmu-ilmu agama. Sekembalinya ke Kelantan, beliau bukan sahaja aktif di sekitar pondoknya sahaja malah aktif juga di dalam kegiatan kemasyarakatan dan pentadbiran negeri. Tok Kenali berjaya menerbitkan majalah sulung Pengasuh pada tahun 1918. Majalah ini berjaya memberikan kesedaran beragama kepada masyarakat Islam di dalam dan luar Kelantan. Tok Kenali yang zahid ini akhirnya mampu meninggalkan satu barisan pelapis ulama yang terkenal seperti Tuan Guru Haji Yaakub legor, Tuan Guru Haji Abdullah Tahir, syaikh Anjun dari Asahan, Indonesia dan lain-lain. Anak muridnya dari Indonesia ini kemudiannya menjadi guru terkemuka di Masjidil Haram kira-kira tahun dua puluhan. Tok Kenali meninggal pada 19 November 1933. Lihat Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, h. 195 – 202 dan lihat juga Shafi'i Ibrahim, Tok Kenali dalam *Ulama' Silam Dalam Kenangan*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1993, h. 31 – 36. Lihat lagi Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, Lima Tokoh Ulama Yang Memainkan Peranan Penting Dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860 – 1940) dalam JEBAT, bil. 10, April 1980, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 168.

¹⁴ Tok Kemuning (1885 – 1934) dilahirkan di Machang, Kelantan. Nama penuh beliau ialah Haji Ismail bin Haji Senik. Beliau adalah antara ulama Kelantan yang membuka pondok di kampung halaman sendiri. Antara murid-murid beliau ialah Tuan Guru Haji Ali bin Awang, Pulau Pisang, Kota Bharu, Tuan Guru Haji Yaakob bin Ismail Legor, Thailand, Tuan Guru Haji Abdullah Tahir bin Haji Ahmad Bunut Payung, Kelantan dan lain-lain. Lihat Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, h. 203 – 220.

¹⁵ Nama sebenar Tok Bachok (1860 – 1953) ialah Haji Uthman bin Haji Muhammad. Beliau lahir di Kampung Tok Burung, Bachok, Kelantan. Sebagaimana juga ulama-ulama lain, beliau sempat membuka pondok di Bachok, tempat kelahirannya sendiri. Lihat ibid, h. 423 – 432.

¹⁶ Beliau dilahirkan di kampung Palekbang, Tumpat, Kelantan pada tahun 1861. Haji Wan Ahmad belajar di Fatani dan kemudiannya menyambung pengajiannya di Makkah. Di Makkah beliau sempat berguru dengan Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman. Bila balik ke Kelantan, beliau membuka pondok di kampung kelahirannya dan kemudiannya berpindah ke kampung Padang Jelapang, Pasir Mas, Kelantan, lihat Mohd Yusoff bin Abd. Rahman, Pelajaran Ugama dan kemunculan Ulama Kelantan, dalam JEBAT, bil. 5/6, 1976, Jabatan Sejarah, U.K.M, h. 99.

¹⁷ Dato' Laksamana (1888 – 1939) adalah seorang ulama, wartawan dan pegawai tadbir yang sangat penting dalam menyusun dan membangun negeri Kelantan. Walaupun tidak membuka pondok, penglibatan beliau di dalam dunia pentadbiran terutama di dalam menggubal undang-undang dan peraturan di dalam perkembangan ugama di Kelantan adalah satu jasa besar. Beliau dilahirkan di dalam Kubu, dekat Istana Jahar, Kota Bharu. Lihat Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, h. 314 – 322.

¹⁸ Haji Nik Mahmud bin Ismail adalah orang yang bertanggungjawab dengan nasihat Haji Muhammad Yusof (Tok Kenali) menubuhkan Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada 17 Safar 1334H bersamaan 24 Disember 1915. Dengan perubahan Majlis ini, pentadbiran ugama Islam di negeri Kelantan menjadi lancar dan memuaskan. Lihat Sa'ad Shukri bin Haji Muda dan Abdullah al-Qari bin Haji Salleh (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 121 – 122.

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman mempunyai kebolehan di dalam pelbagai bidang ilmu. Penguasaan bahasa Arab dan Melayunya cukup baik sehingga banyak terjemahan telah beliau usahakan. Jika dibanding-bandingkan, kebolehannya tidak begitu jauh dengan kebolehan syaikh Daud al-Fatani.¹⁹ Malah dalam setengah-setengah bidang kebolehannya mengatasi syaikh Daud al-Fatani yang terkenal itu.²⁰

Kitab terbesar karangan Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman ialah *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub* yang akan dibicarakan selepas ini secara panjang lebar. Kitab-kitab lain adalah seperti berikut:

- i. *Zahrat al-murid fi' aqa'id al-tawhid*.²¹
- ii. *Lum'at al-awrad*.²²
- iii. *Majma' al-qasa'id wa al-'awa'id*.²³

Kitab al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub

Menurut Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman, *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub* bererti Permata Pemberian Yang Indah Dan Menjagakan Segala Hati Yang Lalai. Sebab diberi judul ini adalah untuk menjadikan kitabnya sebagai peringatan dan pengajaran kepada dirinya dan orang-orang mukmin lain dari

¹⁹ Syaikh Daud al-Fatani adalah seorang ulama dan pengarang terulung di Asia Tenggara. Beliau dilahirkan pada tahun 1131H / 1718M. Beliau bersahabat dengan syaikh Abdul Samad al-Falimbani (115H – 1203H) dan syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari (1122H – 1227H). Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1991), *Munyatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani, K.L: Khazanah Fathaniyah*, h. 1 – 8. Lihat juga Ds. H. Muhamad Syamsu As, *Ulama Pembawa Islam di Indonesia Dan Sekitarnya*. Penerbit Lentera, t.t.p. t.th, h. 267 – 268.

²⁰ Ismail Awang, 1975. Tok Wan Ali Kutan, *Pengasuh*, Dec: 20 – 21.

²¹ Kitab ini membicarakan soal-soal usuluddin dan konsep syahadah berdasarkan mazhab ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ia selesai dikarang pada hari Jumaat, jam 4.00 petang ketika wukuf di Padang Arafah, tahun 1310H. Tebalnya 32 muka surat dengan ukuran saiznya 19.5 cm x 26.5 cm. Lihat: Shaikh Muhammad Ali bin Abdul Rahman, *Zahrat al-Murid Fi 'Aqa'id al-Tawhid*, t. pt, t.t.p, 1379H, hlm. Kulit – 32.

²² Isi kandungannya merupakan himpunan doa-doa dan wirid-wirid untuk menguatkan jiwa dan mental seseorang. Ia siap dikarang pada malam Isnin 4 Jamadiil Ula 1311H. Tebalnya 128 muka bersaiz 1405 cm x 20 cm. sila lihat Wan Ali bin Abdul Rahman, *Lum'at al-Awrad*, al-Matba'ah al-Mizziyah, Makkah, 1311H, h: kulit – 128.

²³ Kitab ini mengandungi beberapa qasidah seperti qasidah syaikh Abd. Qadir al-Jilani, syaikh Abu Madyan al-Maghribi dan lain-lain. Ia selesai dikarang pada bulan Dhil al-Qa'dah, tahun 1320H. Tebalnya 60 mukasurat dengan saiz 17.5 cm x 25.5 cm. Lihat Wan Ali bin Abd. Rahman, *Majma' al-Qasa'id Wa al-'Awa'id, al-Matba'at al-Mizziyah*. Makkah, 1311H, h: kulit – 60.

lalai dan lupakan Allah subhanahu wata'ala. Ia juga bertujuan untuk menyampaikan ajaran-ajaran yang diketahuinya dari Nabi sallallahu 'alaihi wasallam kepada semua manusia.²⁴

Terdapat beberapa naskhah kitab *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub* yang diperolehi oleh penulis. Dua naskhahnya dicetak di Mesir, satu naskhah cetakan Malaysia dan satu lagi tidak dikenal pasti tempat percetakannya. Naskhah cetakan Mesir yang diletakkan di sebelah tepi kitab *Siyar al-Salikin* di cetak di percetakan Dar Ihya' al-Kulub al-'Arabiyyah Li Ashabiha 'Isa al-Babi al-Halabi Wa Sharikah. Satu Naskhah yang berasingan pula dicetak di percetakan Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladih. Cetakan Malaysia dicetak oleh percetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang. Manakala naskhah yang tidak dikenalpasti itu dicetak oleh percetakan Muhammad al-Nahd Wa Awladih.

Berdasarkan beberapa naskhah di atas menunjukkan bahawa tidak ada sebarang keraguan mengenai Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman sebagai pengarang yang sah kepada kitab *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub*. Salah satu naskhah cetakan Mesirnya telah disemak oleh syaikh Abdullah Ibrahim al-Kedahi dan shaikh Ahmad al-Falfalani. Walau bagaimana pun, nisbah Imam al-Sayuti sebagai pengarang kepada kitab *Lubab al-hadith* yang menjadi sebahagian isinya adalah diragui. Ini adalah kerana nama kitab *Lubab al-hadith* tidak terdapat di dalam senarai karangan-karangan Imam al-Sayuti.²⁵ Menurut Dr. Badi' al-Sayyid al-Lihham bahawa pengolahan dan gaya bahasa kitab Lubab al-hadith ini tidak menunjukkan bahawa ia adalah karangan al-Sayuti.²⁶

Kitab *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub* merupakan sebuah kitab yang mengandungi banyak hadis yang memperkatakan soal *targhib* (galakan beramal ibadat) dan *tarhib* (menggerunkan pengamal maksiat). Terdapat lebih kurang 950 hadis

²⁴ Ali ibn 'Abd al-Rahman al-Kelantani (t.t), *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub*, Matba'at al-Babi al-Halabi Wa Awladih, t. tp, t.th, h. 3.

²⁵ Badi' al-Sayyid al-Lihham (1994), *al-Imam al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti Wa Juhuduh Fi al-Hadith Wa 'Ulumih*, Dimashq: Dar Qutaybah, h. 183; Tahir Sulayman Hamudah (1989), *Jalal al-Din al-Sayuti, 'Asruh Wa Hayatuhi Wa Atharuhi Wa Juhuduh Fi al-Dars al-Lughawi*. Bayrut: al-Maktab al-Islami, Bayrut, h. 381 – 413; Faruq 'Abd al-Mu'ti (1992), *Jalal al-Din al-Sayuti Imam al-Mujaddidin Wa al-Mujtahidin Fi 'Asrih*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, T.tp, h. 20 – 24.

²⁶ Badi' al-Sayyid al-Lihham (1994), *op. cit.* h. 183.

Nabi sallallahu 'alaihi wasallam di mana 400 daripadanya dinukilkhan dari kitab *Lubab al-hadiih*. Manakala bakinya adalah hadis-hadis yang dibawa sendiri oleh pengarang *al-Jawhar al-Mawhub* sebagai penerangan kepada hadis-hadis tersebut. Di samping ayat-ayat al-Qur'an terdapat juga kata-kata para sahabat r. 'anhum dan para ulama. Terdapat 40 bab di dalam kitab ini selain dari pendahuluan kitab, kelebihan berfikir sebagai pendahuluannya serta sifat syurga dan nikmatnya sebagai penutup kitab. 40 bab yang dimaksudkan ialah bab kelebihan ilmu dan ulama, kelebihan la ilah illa Allah, kelebihan bismillah, kelebihan selawat ke atas Nabi sallallahu 'alaihi wasallam, kelebihan iman, kelebihan wuduk, kelebihan bersugi, kelebihan azan, kelebihan berjama'ah, kelebihan Jumaat, kelebihan masjid, kelebihan memakai serban, kelebihan puasa, kelebihan sembahyang fardu, kelebihan sembahyang sunat, kelebihan zakat, kelebihan sedekah, kelebihan salam, kelebihan do'a, kelebihan istighfar, kelebihan berzikir kepada Allah, kelebihan tasbih, kelebihan taubat, kelebihan faqir, kelebihan berkahwin, sangat jahat berzina dan berat siksanya, sangat berat liwat dan berat siksanya, tegahan minum arak, kelebihan melontar anak panah, kelebihan berbuat bakti kepada kedua-dua ibubapa, kelebihan hak anak-anak atas ibu bapa, kelebihan merendah diri, kelebihan diam, kelebihan menegah makan, minum, tidur dan rehat yang banyak, menegah tertawa, kelebihan menziarahi orang sakit, kelebihan mengingati mati, kelebihan kubur dan segala huru haranya, menegah ratapan ke atas mayat dan kelebihan sabar ketika ditimpa bala. Ia selesai dikarang pada dua jamadil awal pada tahun 1306 hijrah di Makkah.

Cara penulisan kitab ini tidak begitu jauh dengan kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* karangan al-Iman al-Ghazali. Keselarasannya itu menyebabkan dalam satu naskhahnya ia dicetak di sebelah tepi kitab *Siyar al-Salikin* terjemahan kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Terjemahan ini diusahakan oleh syaikh 'Abd. Al-Samad al-Falimbani. Ia juga mirip cara Imam Ibn Hajar al-Makki al-Haythami dalam kitabnya *al-Zawajir 'An Iqtiraf al-Kaba'ir* dalam mengemukakan soal tarhib. Bahasanya adalah bahasa Melayu yang mudah difahami. Tulisannya pula berhuruf jawi ejaan lama seperti bumi ditulis *ba'*, *waw* dan *mim* sahaja, manakala habis ditulis dengan *ha'*, *ba'* dan *sin*. Di samping kitab *Lubab al-Hadith*, Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman juga merujuk kepada banyak bahan bacaan. Antara kitab-kitab rujukan beliau ialah *al-Zawajir*, *Riyad al-Salihin*, *al-Ihya'*, *Sharh al-Muhadhdhab*, *Nuzhat al-Nufus*, *Nuzhat al-Majalis*, *al-Jami' al-Saghir*, *Hayat al-Hayawan*, *'Uyun al-Akhbar*, *Tadhkirat al-Qurtubi* dan lain-lain. Semuanya berjumlah lebih dari 50 buah kitab.

Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman membuat satu ramuan isi yang cukup menarik di dalam kitabnya sesuai untuk pembaca di zaman itu. Beliau memudahkannya dengan tidak banyak membahaskan soal sanad dan matan hadis, tidak seperti yang dilakukan oleh syaikh Nawawi al-Bentani di dalam *Tanqih al-Qawl al-Hathith Bi Syarh Lubab al-Hadith*. Besar kemungkinan selera pembaca-pembacanya di Indonesia agak berlainan dengan selera pembaca-pembaca di sebelah sini. Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman lebih mementingkan soal penerimaan masyarakat seluruhnya. Keprihatinannya itulah yang menyebabkan kitab beliau digunakan secara meluas di Malaysia.

Tidak syak lagi bahawa kitab *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub* menjadi asas kepada perkembangan ilmu hadis di Malaysia di samping ilmu tauhid, fikah dan tasauf. Kitab ini diajar di pondok-pondok, khususnya di Kelantan. Haji Wan Mohd Saghir Abdullah pula ada menyebut bagaimana pentingnya kitab ini di dalam pendidikan rohani masyarakat. Kata beliau:

Tetapi sasaran pendidikan dan dakwah tentunya telah dipertimbangkan supaya tepat pada sasarannya. Oleh itu Syarah syaikh Wan Ali Kutan sangat meluas penyebarannya kerana karya tersebut lebih menyuburkan bagi tarbiah ruhaniyyah, yang menyeluruh ke lubuk hati yang memang digemari oleh setiap insan, baik yang khusus mahupun yang umum.²⁷

Pengajian ilmu hadis ini kemudiannya diperluaskan kepada tajuk-tajuk mengenai sanad, matan dan seterusnya tentang *sahih* dan *da'if*. Ia mulanya diperkenalkan oleh Sayyid Hasan bin Sayyid Nur Hasan al-Khurasani di mana jalan sanad dan silsilah hadisnya bersambung kepada al-Imam al-Mujaddid Shah Wali Allah al-Dihlawi. Sayyid Hasan yang dikenali sebagai Tok Khurasan ini adalah guru kepada Haji Nik Abdullah bin Haji Nik Wan Musa (1990 – 1935M), seorang ahli hadis dan alim besar dari Kelantan.²⁸ Dengan berkembangnya pengajian hadis dewasa ini di peringkat pengajian tinggi dan pusat-pusat pengajian ugama mengingatkan kita tentang kesan pengajian kitab *al-Jawhar al-Mawhub Wa Munabbihat al-Qulub* dan peranan pengarangnya Tuan Guru Haji Wan Ali bin Abdul Rahman dalam hal ini.

²⁷ H.W.M Saghir Abdullah, 1997, Perkembangan Penulisan Hadis Ulama Asia Tenggara, *Pengasuh*, Jan – Feb. : 30.

²⁸ Abd al-Hayy 'Abd al-Shakur, 1996, Sejarah Pengajian Hadis Di Kota Bharu, *Pengasuh*, Mei – Jun: 32 – 33.

Penutup

Jasa Tuan Guru Wan Ali bin Wan Abdul Rahman dalam perkembangan ilmu-ilmu Islam khususnya ilmu hadis tetap dikenang di sepanjang zaman. Sesuatu yang pasti ialah karangan-karangan beliau telah mendapat tempat di dalam masyarakat.

Sesungguhnya menjadi kewajipan setiap kita dengan kadar kemampuan masing-masing untuk meneruskan kelangsungan kerja-kerja mulia para ulama silam. Di samping itu, perlu juga difikirkan penubuhan institusi pendidikan di Nusantara ini yang mampu untuk melahirkan lebih ramai lagi ulama-ulama besar seperti Tuan Guru Wan Ali bin Abdul Rahman. Hal ini mungkin boleh dilaksanakan melalui gabungan tenaga para alim ulama dan golongan professional dengan pemerintahan Islam. Dalam sejarah, lahirnya sebahagian besar ulama yang ada pada hari ini adalah hasil dari usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Fathimiyyah di Mesir (909 – 1171). Mereka telah berjaya mengasaskan Universiti tersebut. Universiti ini asalnya dibina sebagai masjid al-Azhar. Pada masa itu, masjid berperanan sebagai pusat pendidikan Islam. Universiti terkenal di dunia ini mampu bertahan lebih 1000 tahun untuk mendidik kader-kader agama dan calon-calon ulama di seluruh dunia.

Pastikan bahawa kita yang datang kemudian berbuat sesuatu untuk masa depan generasi seterusnya. Cerdik pandai kita ada berkata : “Orang dulu-dulu menanam pokok lalu kita yang muncul mencapai buahnya. Maka menjadi kewajipan kita untuk terus menanam agar generasi selepas kita akan dapat mengutip hasilnya pula”.